

Opinio Juris rangka draf sabitkan Trump penjenayah perang

KUALA LUMPUR 18 Dis. - Malaysia bersama-sama gerakan pakar akademik antarabangsa sedang merangka draf untuk mensabitkan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump sebagai penjenayah perang kerana melanggar resolusi yang diluluskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *corpus separatum* (hak eksklusif) Palestin.

Timbalan Penasihat Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Salawati Mat Basir berkata, draf dilakukan *Opinio Juris* atau *International Law Juris* dengan kekuatan 1,000 ahli itu dijangka siap tahun depan.

Beliau yang turut berada dalam gerakan itu berkata, draf tersebut akan diserahkan kepada Majlis Kes-

elamatan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tindakan lanjut dan mempertimbangkan Trump sebagai penjenayah perang.

"Trump melanggar empat undang-undang antarabangsa termasuk mengumumkan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel tanpa merujuk resolusi-resolusi, deklarasi-deklarasi atau perjanjian yang termeterai sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas menjadi panel Bicara Persada Ke-41, Trump vs Dunia (Baitulmuqaddis Milik Siapa?) di Canselori UKM, Bangi dekat sini hari ini.

Empat keputusan undang-undang antarabangsa yang dilanggar Trump ialah membuat kepu-



SALAWATI MAT BASIR

tusan secara lateral dan tidak unilateral berhubung isu mengumumkan Baitulmuqaddis sebagai ibu kota Israel dan kedua, melanggar Resolusi Keselamatan 476 dan 478 yang menetapkan Baitulmuqaddis bukan ibu negara Israel.

Ketiga, melanggar keputusan Mahkamah Agung Amerika Syarikat 2006 yang memutuskan bahawa Israel tidak berhak membuat penempatan di Baitulmuqaddis dan keempat melanggar keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 2004 bahawa pendudukan Israel di Baitulmuqaddis Timur tidak



Trump melanggar empat undang-undang antarabangsa termasuk mengumumkan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel."

DR. SALAWATI MAT BASIR
Timbalan Penasihat
Undang-Undang UKM

sah.

Tambah Salawati, beliau turut menggesa kerajaan memboikot dalam aspek ekonomi dan perdagangan dengan Israel sebagai solidariti kepada Palestin.